

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 13 TAHUN 1976**

### **PEMBERIAN MILIK TANAH-TANAH DI ATAS TANJONG DI TEPI PANTAI DAN PULAU-PULAU**

Satu masa dahulu iaitu dalam tahun 1957 Kerajaan telah membuat satu dasar menegah tanah-tanah di atas tanjong di tepi pantai dan pulau-pulau daripada diberi milik, tetapi tanah-tanah itu dibenar menduduki dengan jalan sewa sementara (TOL). Tujuan dibuat tegahan itu ialah atas permintaan Kerajaan Persekutuan bagi maksud pertahanan dan keselamatan Negara.

2. Dasar ini telah disemak semula oleh Jawatankuasa Khas Dasar Tanah Negeri Kelantan dan telah membuat syor-syor untuk pertimbangan Kerajaan MMK yang bersidang pada 26/8/1976, selepas menimbang Kertas Bil 15/588/76(36) telah menimbang syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Dasar Tanah dan bersetuju supaya dasar Kerajaan yang menegah tanah-tanah di atas tanjong di tepi pantai dan pulau-pulau daripada diberi milik itu dibatalkan kerana telah didapati sekarang ini tanah-tanah seperti itu tidak lagi begitu diperlukan untuk kegunaan pertahanan dan keselamatan Negara.

3. Oleh kerana dasar yang di atas telah dibatalkan maka bolehlah Pemungut Hasil Tanah mengkaji dan menghalusi balik mana-mana tanah di atas tanjong di tepi pantai dan pulau-pulau yang telah diberi TOL satu masa dahulu dan jika tanah-tanah TOL itu ada mengandungi tanaman kekal ataupun jika difikirkan tanah-tanah itu tidak akan runtuh akibat banjir atau hakisan sungai maka bolehlah Pemungut Hasil Tanah menasihatkan pemegang-pemegang Lesen TOL yang sebenar (genuine)

supaya membuat permohonan milik tanah itu dengan membayar deposit mengikut Seksyen 82, Kanun Tanah Negara bagaimana berikut:-

- a) Untuk kelapa/dusun - \$100.00 satu permohonan
- b) Untuk sayur/padi - \$50.00 satu permohonan

Permohonan-permohonan ini hendaklah diproses seperti biasa dan diangkat bagi timbangan MMK dengan membuat pengesyoran di atas satu-satu kes bagaimana berikut:-

- i) Jenis Hakmilik - Hakmilik Tetap (Geran)
- ii) Luas Tanah - Tak lebih dari kawasan yang diberi sewa sekarang
- iii) Jenis Kegunaan Tanah - PERTANIAN
- iv) Harga Tanah:
  - Kelapa/Dusun - \$40.00 seekar (harga yang paling tinggi mengikut L.R)
  - Padi/Sayur - \$20.00 seekar (harga yang paling tinggi mengikut L.R)
- v) Harga Tanah Tambahan (Development premium) - 25% harga pasaran yang bernilai oleh Pemungut Hasil Tanah.
- vi) Hasil Tahunan dan Lain Kelantan Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Tahun 1966
- vii) Upah Ukur - Mengikut kadar yang terjadual di bawah L.N 486/65 & Pindaan P.U (A) 438/75
- viii) SYARAT KHAS - Seperti biasa

ix) SEKATAN KEPENTINGAN

Tanah ini tidak boleh dijual atau digadai dalam tempoh 10 tahun dari tarikh diberi milik melainkan dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**t.t**  
**(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah & Penolong Pemungut Hasil Tanah  
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

**SALINAN KEPADA:**

Yang Berhormat, Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Yang Berhormat, Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**KOTA BHARU:** 5HB SYAWAL 1396  
28HB SEPTEMBER 1976

(PTG. (KN) 7976/(3))